

Headline	Aplikasi untuk warga UNITEN		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Varsiti	Page No	V1,V11
ArticleSize	493 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nas Norziela
PR Value	RM 49,162		



## Inovasi

# Aplikasi untuk warga UNITEN Muka 11

# Aplikasi untuk warga UNITEN

Tiada alasan untuk pelajar terlepas jadual kelas dengan UNITENLife


Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

**Putrajaya:** Alasan terlepas pandang akan maklumat perubahan kelas atau teresat kelas sehingga gagal menghadiri kuliah mungkin tidak lagi boleh digunakan oleh pelajar Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan adanya aplikasi UNITENLife.

Aplikasi yang dibangunkan dengan mengambil masa selama empat bulan itu dihasilkan oleh Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Elektrik Kuasa Kolej Kejuruteraan UNITEN, Dr Nur Azzammudin Rahmat bersama-sama pasukannya, selain kerjasama IBM dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) ICT.

Nur Azzammudin berkata, antara ciri aplikasi UNITENLife itu adalah memaparkan jadual kuliah, peperiksaan, sistem kedatangan QR, sistem navigasi dan rekod kewangan.

"UNITENLife adalah inisiatif universiti pintar yang diba-



Dr Nur Azzammudin Rahmat

**Aplikasi UNITENLife memudahkan pelajar mendapatkan pelbagai maklumat termasuk perubahan jadual kuliah dan sistem QR bagi rekod kehadiran**  
(Foto Alzuddin /BH)

ngunkan bagi memastikan urusan pelajar di sini menjadi lebih mudah, selain komunikasi semua pihak dapat berjalan lancar.

"Semua isi kandungan atau fungsi yang dihasilkan mengambil pandangan daripada keperluan banyak pihak terutama pelajar," katanya kepada *BH Varsity*, baru-baru ini.

Majlis pelancaran aplikasi UNITENLife dan Boost

(e-wallet) disempurnakan Naib Canselor UNITEN, Prof Datuk Dr Ir Dr Kamal Nasharuddin Mustapha.

Turut hadir, Ketua Pegawai Informasi TNB ICT, Fazil Ibrahim; Pengurus Besar TNB ICT, Christine Yong; Pengarah Urusan TNBX, Ir Nirinder Singh Johl dan Timbalan Naib Canselor UNITEN, Datuk Prof Ts Dr Mohd Zamri Yusoff.

Nur Azzammudin berkata,

antara kekangan atau cabaran yang dihadapi dalam pembangunan aplikasi itu adalah perlu menyiapkannya dalam tempoh empat bulan berbanding kebiasaannya antara sembilan hingga 12 bulan.

"Walaupun mengambil masa agak singkat, kami sentiasa memastikan segala keperluan maklumat utama dilengkapkan dalam usaha menyediakan sistem aplikasi yang terbaik untuk

pelbagai pihak.

"Sistem ini akan dinaik taraf dari semasa ke semasa dengan UNITENLife setakat ini mendapat maklum balas positif daripada pelajar mahupun pensyarah.

"Bukan sekadar memudahkan pelajar melalui kemas kini jadual kelas, ia juga menjadi pusat sehati bagi pelajar mendapatkan kemas kini pembayaran semester, selain berita sekitar kampus," katanya